

SISTEM TULISAN JAWI DALAM MANUSKRIP HIKAYAT RAJA HANDAK MS172 (1832M)
(Jawi Writing System in The Manuscripts of Hikayat Raja Handak MS172 (1832M))

Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid*

Abstrak

Artikel ini memerihalkan sistem tulisan Jawi pada awal abad ke-19. Manuskrip Hikayat Raja Handak dipilih sebagai sample kajian untuk mendapat gambaran apakah bentuk sistem tulisan Jawi pada waktu itu. Manuskrip ini bernombor MS172 dalam simpanan perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Artikel ini membincangkan dua perkara (1) latar belakang ringkas mengenai manuskrip dan (2) menganalisis sistem tulisan Jawi yang terdapat dalam manuskrip. Metode analisis yang digunakan ialah metode diskriptif berdasarkan 12 perkara yang dapat menggambarkan sistem tulisan, antaranya penggunaan konsonan, diftong, kata imbuhan dan bahasa asing seperti bahasa Arab. Daripada data-data yang diperolehi jelas menunjukkan bahawa pengaruh kaedah bahasa Arab masih banyak diguna pakai dalam sistem tulisan Jawi pada waktu itu, walaupun terdapat beberapa pembaharuan namun ianya masih kecil berbanding dengan pengaruh Arab.

Kata kunci: Manuskrip Raja Handak, Sistem Tulisan Jawi, Manuskrip Melayu, Nusantara

Abstract

This article describes Jawi writing system in the early 19th century. Manuscript Hikayat Raja Handak was selected as a sample of the study to get a description of what the Jawi writing system was at that time. The manuscript is numbered MS172 in the library of the University of Malaya, Kuala Lumpur. This article discusses two things (1) a brief background on this manuscript and (2) analyzing the Jawi writing system contained in the manuscript. Method of analysis used is a descriptive method based on 12 items that can describe the writing system, including the use of consonant, diftong, prefixes or suffixes and foreign languages such as Arabic. From the data obtained, it clearly shows that the influence of the Arabic method is still widely used in the Jawi writing system at that time, although there are some reforms, but it is still small compared with the Arab influence.

Keywords: manuscript of Hikayat Raja Handak, Jawi writing system, Malay manuscript, Malay archipelago

Pendahuluan

Sejak Islam sampai ke Nusantara dan menjadi agama anutan majoriti penduduknya, para sejarawan sering membincangkan banyak isu berkaitan dengan Islam dan pengaruhnya, antara isu tersebut ialah mengenai tulisan Jawi di Tanah Melayu. Meskipun terdapat pelbagai teori yang dikemukakan dengan alasan yang tersendiri, namun kesan nyata dari kedatangan Islam ke Nusantara khususnya di Tanah Melayu ialah wujudnya satu sistem tulisan yang baru dan lengkap kepada orang Melayu untuk membina dan mencorak sistem peradaban mereka. Islam telah membawa semangat rasionalisme dan intelektualisme di kalangan orang Melayu iaitu dengan mengubah pandangan alam dan seterusnya memberi pengaruh kepada kebudayaan Melayu dari segi falsafah, nilai, bahasa dan tulisan mereka.

Seperti yang dinyatakan di atas, antara pengaruh Islam dalam kebudayaan Melayu adalah tulisan Jawi. Al-Quran sebagai kitab suci agama Islam menjadi punca utama pengaruh itu terhadap pembinaan dan peradaban orang Melayu.¹ Islam melalui al-Quran telah membuka mata dan minda orang Melayu ketika itu untuk mengenali ilmu, pendidikan, budaya, bahasa dan sebagainya. Malah, orang Melayu yang telah menganut Islam telah sedikit sebanyak menggunakan gaya bahasa Arab dan tidak terkecuali juga telah mengambil bahasa Arab sebagai pedoman untuk membina sistem tulisan bahasa sendiri. Hal ini berlaku antara lainnya disebabkan terdapat keperluan menyesuaikan bawaan fonetik bahasa terhadap huruf-huruf dalam abjad Arab dan telah memberi ilham kepada orang Melayu ketika itu untuk menggunakan daya cipta masing-masing mencipta huruf-huruf baru. Meskipun, penciptaan huruf-huruf itu masih mengikut gaya bentuk huruf Arab.²

* Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, Head of Department, Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: faisal@um.edu.my.

¹ Kang Kyoung Seock (1993), *Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h XXV.

² Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1990), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), h 31.

Dalam perkembangan itu, perkataan “Jawi” sinonim dengan empat elemen penting bangsa Melayu iaitu (1) orang Jawi, (2) bangsa Jawi, (3) bahasa Jawi dan (4) tulisan Jawi yang setiap satunya membawa maksud orang Melayu, bangsa Melayu, bahasa Melayu dan tulisan orang Melayu. Setelah itu, tulisan jawi menjadi alat menghasilkan sesuatu penulisan, penyalinan dan penterjemahan serta berfungsi sebagai penyalur utama media persuratan Melayu-Islam.³ Kegiatan ini berkembang dengan pesatnya disebabkan keperluan masyarakat Melayu yang baru menerima Islam memahami ajaran agama yang merangkumi akidah, fekah, tasawuf, sejarah Islam dan lainnya.

Oleh kerana kedudukan tanah Melayu berada di kawasan perdagangan yang pesat pada abad yang lalu dan telah berterusan sejak ratusan tahun, bahasa Melayu telah bertembung dengan bahasa-bahasa lain untuk sekian tempoh yang lama. Akibat daripada pertembungan itu, berlakulah proses meminjam pelbagai unsur bahasa termasuk bunyi, kata dan ungkapan dan kemasukan unsur-unsur asing ke dalam Bahasa Melayu ini berlaku secara berterusan.⁴ Tambahan pula dengan penemuan batu bersurat Terengganu yang bertarikh lebih kurang 1303 Masihi bersamaan 702 Hijrah yang ditulis sepenuhnya di dalam bahasa Melayu dengan menggunakan huruf Arab telah menunjukkan bahawa sejarah tulisan Jawi juga dipengaruhi oleh unsur Arab iaitu sudah hampir tujuh ratus tahun lamanya.⁵

Sehubungan dengan itu, perkembangan bahasa Melayu dengan meminjam huruf-huruf Arab dan dimasukkan ke dalam bahasa Melayu sama ada dikekalkan sebutan dan ejaannya mahupun diserapkan dan disesuaikan lafaz serta ejaannya dengan lidah sebutan Melayu.⁶ Begitu juga dengan penambahan beberapa huruf Jawi lagi serta pembaharuan-pembaharuan yang telah dilakukan oleh sarjana Melayu seperti Za’ba secara sendirian atau beberapa persatuan orang Melayu secara berkumpulan dan juga transformasi bahasa yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan melalui penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa bahasa bagi membincangkan masalah berkaitan dengan sistem tulisan Jawi dan juga mencari penyelesaian bagi penambahbaikan. Pada tahun 1981, Jawatankuasa mengkaji penggunaan Bahasa Malaysia telah mengesyorkan agar sistem ejaan Jawi perlu dikaji semula dan diperkemas serta sebuah buku Daftar Ejaan Rumi-Jawi hendaklah diterbitkan dengan segera.

Untuk merealisasikan syor tersebut, pada bulan Februari 1983, Jawatankuasa Ejaan Jawi DBP telah dibentuk.⁷ Setelah beberapa sesi perjumpaan dan perbincangan berlaku, akhirnya pada tahun 1986, buku pertama Pedoman Ejaan Jawi baharu telah diterbitkan. Sebelum buku Pedoman Ejaan Jawi baharu itu diterbitkan, pihak Jawatankuasa Ejaan Jawi DBP telah membentangkan hasil kajian mereka dalam Konvensyen Tulisan Jawi di Terengganu pada 9-11 April 1984.⁸ Cadangan yang dikemukakan itu telah diterima dengan baik oleh peserta konvensyen. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1985 telah merumus, menyusun semula rumusan konvensyen Terengganu dan menerbitkannya pada tahun 1986 dalam bentuk buku berjudul Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD).⁹ Pada tahun 1987, Jawatankuasa Ejaan Jawi DBP telah mengadakan pertemuan dan menerima pandangan daripada beberapa orang pakar serta bersetuju membuat sedikit pembaikan ke atas rumusan yang terkandung dalam PEJYD tahun 1986 itu. Kemudian, naskhah pedoman tersebut diperkemas dan diterbitkan sebagai edisi kedua dengan judul PEJYD yang sama pada tahun 1987.

Kembali kepada perkembangan manuskrip Melayu, sejak dari awal perkembangan tulisan Jawi hingga sekarang sarjana Melayu telah menulis karya-karya dan manuskrip klasik seperti syair, hikayat, kitab-kitab dan banyak lagi yang menjadi penanda aras kegemilangan penulisan masyarakat Melayu. Manuskrip Melayu dapatlah dikatakan sebagai satu sisi gambaran sebenar warisan budaya masyarakat Melayu di Nusantara pada masa silam yang menyentuh keseluruhan aspek kehidupan mereka termasuklah sistem kehakiman, kosmologi, prinsip hidup, tatasusila kehidupan, pencapaian masyarakat dan sosio-budaya. Penulisan pelbagai aspek ilmu telah dihasilkan sejak kurun ke- 17 lagi. Tradisi penulisan ini dibuktikan melalui penemuan pelbagai manuskrip dalam pelbagai

³ Niswa Noralina binti Abdullah & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (2013), “Pangkaedahan Tulisan Jawi Lama: Analisis Terhadap Manuskrip Nazam Nabi Muhammad,” *Journal al-Muqaddimah*, Bil.1, h. 96.

⁴ Haji Hamdan bin Haji Abdul Rahman (1984), “Sistem Baru Ejaan Jawi Bahasa Melayu,” Prosiding Konvensyen Tulisan Jawi, Kuala Terengganu, 9-10 April 1984, h 3.

⁵ Kang Kyoung Seock (1993), *Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h 2.

⁶ Amat Juhari Moain (1996), *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.16.

⁷ Jawatankuasa tersebut dianggotai oleh pakar-pakar sistem ejaan Jawi yang mewakili Pusat Perkembangan Kurikulum, Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia, dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi Tempatan. Bidang tugas jawatankuasa ini ialah membuat kajian semula terhadap Sistem Ejaan Jawi Za’ba, Daftar Ejaan Melayu [Jawi-Rumi], Sistem Ejaan Jawi Dian dan sistem ejaan Jawi yang digunakan dalam penerbitan-penerbitan Syarikat Utusan Melayu Sdn. Berhad, serta beberapa penerbitan Jawi yang lain. Lihat laman blog Jawi UPSI, diakses pada 13 Ogos 2018, http://lamanjawiupsi.blogspot.com/p/blog-page_3836.html.

⁸ Konvensyen tersebut adalah anjuran Yayasan Islam Terengganu, dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Ianya telah dihadiri oleh 150 orang pakar tentang ejaan Jawi, termasuk mereka yang fasih dalam Bahasa Arab dan ahli agama Islam, yang terdiri daripada wakil-wakil jabatan kerajaan, pusat pengajian tinggi, institusi dan badan sukarela di seluruh negara, serta beberapa perwakilan rasmi dari negara Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura dan Thailand. Ibid.

⁹ Ahmad Mohd Salleh (2001), “Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam,” *KPLI Pengajian Islam & j-QAF*. Shah Alam: Oxford Fajar, h.273.

bidang, terutama dalam penciptaan syair mengenai sejarah raja-raja dahulu kala.¹⁰ Seterusnya, karya-karya dan penulisan pada abad sekarang juga menunjukkan betapa bernilai dan berharganya nilai yang ada pada tulisan Jawi dan kepentingan tulisan Jawi kepada masyarakat Melayu walaupun berlaku sedikit kemunduran pada sekitar awal abad ke-20.

Perkataan manuskrip adalah nama yang diberikan kepada naskhah penulisan yang bertulis tangan. Manakala tulisan yang digunakan ialah Jawi biasanya ditulis di atas kertas atau media yang lain seperti daun lontar, kulit kayu, buluh papan, dan rotan.¹¹ Dalam masyarakat Mesir, karya tulis mereka menggunakan papyrus sebagai media penulisan. Tulisan tangan juga pernah dilakukan di atas batu dan ini dinamakan prasasti (*inscription*).¹² Dalam hal ini pihak sarjana Melayu bersetuju mendefinisikan manuskrip Melayu sebagai “Apa-apa tulisan Jawi / Rumi berbahasa Melayu yang ditulis dengan tangan di atas bahan-bahan seperti kertas, kulit, daun lontar, buluh, gading, kayu dan kain dengan isi kandungan dan jangka waktu yang tidak terbatas”.¹³ Segala tulisan selain dari bahan tersebut tidak namakan manuskrip. Tulisan-tulisan yang ditulis di atas batu, sama ada pada batu bersurat atau pada batu nisan yang ditemui di Kota Kapur, Minye Tujuh, Grisek Jawa Timur dan lain-lain tidak dinamakan sebagai manuskrip.

Datuk Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, menyatakan “dua tahun lalu kita dapat kesan lebih 20,000 manuskrip di seluruh dunia dan hanya 4,884 sahaja naskah asal yang disimpan di sini (di PNM). Selebihnya ada di Rusia, Algeria, selain di Jerman. Kita akan teruskan usaha pengesanan manuskrip ini”.¹⁴ Mengambarkan betapa besar karya tinggalan ilmuan Melayu yang belum dikaji. Para sarjana umumnya lebih tertarik membicarakan hasil-hasil mistik karya zaman Aceh terutamanya karya Hamzah Fansuri, Nuruddin al-Raniri dan Shamsuddin al-Sumatrani. Daripada hampir 90 tajuk karya-karya roman Indo-Parsi/Islam-Parsi termasuklah di dalamnya karya-karya tempatan dan terjemahan, tetapi pembahagian yang khusus masih belum dapat dibuat bagi menentukan bilangan hasil-hasil terjemahan dan karya-karya tempatan, yang terdapat di dalamnya unsur-unsur Islam hingga karya-karya itu dapat dikatakan sebagai roman Melayu Islam. Setakat ini hanya tiga buah roman Melayu karya tempatan yang bercorak Islam pernah diperkatakan. Iaitu Hikayat Raja Handak, Hikayat Raja Khaibar dan Hikayat Raja Lahad.¹⁵

Oleh itu, perbincangan artikel ini merupakan antara usaha mengenali dan menjelaskan tulisan Jawi yang juga merupakan lambang kesenian dan kesusasteraan masyarakat Melayu Islam. Selain itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis tulisan Jawi yang digunakan dalam manuskrip Raja Handak untuk mendapat gambaran perkara-perkara yang sama atau berbeza dengan sistem tulisan Jawi dahulu dan sekarang.

Objektif dan Metode

Objektif tulisan ini ialah untuk menjelaskan latar belakang manuskrip Hikayat Raja Handak secara ringkas dan menganalisis sistem tulisan Jawi yang terdapat di dalamnya. Ianya mampu menggambarkan bentuk dan penggunaan tulisan Jawi pada awal abad ke-19. Dengan penggunaan khat yang jelas dan tulisan yang rapi memudahkan untuk membaca dan mengenal pasti sistem ejaan yang digunakan. Penulis manuskrip ini konsisten dengan sistem yang digunakan sehingga hanya terdapat sedikit sekali penulisan beliau keluar dari sistem.

Manakala metode yang digunakan dalam menghasilkan tulisan ini dapat dirumuskan dalam dua perkara, pertama perolehan data kajian dan kedua analisis data kajian. Data utama kajian ini ialah manuskrip Hikayat Raja Handak yang menggunakan no. MS172, ianya sebuah manuskrip yang diambil daripada katalog manuskrip Melayu, koleksi Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Manuskrip yang sama (salinan) terdapat juga dalam simpanan Perpustakaan Universiti Malaya. Saya telah menggunakan manuskrip dengan no. rujukan di atas dalam simpanan Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹⁰ Ahmad Misbah Bin Muhamad Hilmi (2014), “Kajian Manuskrip Hujjatul Balighah : Satu Tinjauan Awal,” International Conference on Postgraduate Research 2014 (ICPR 2014), Kuala Lumpur, 1-2 December 2014, h 277-278.

¹¹ Laman sesawang Utusan Online, diakses pada 13 Ogos 2018, http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20121207/ba_01/Kenali-Manuskrip-Melayu#ixzz5ODIFxHR.

¹² Perpustakaan Negara Malaysia (2006), *Melestarikan Manuskrip Melayu Warisan Agung Bangsa: kumpulan kertas kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan.

¹³ Hasil rumusan seminar mengenai manuskrip Melayu di DBP pada 10 Oktober, 1983.

¹⁴ Anne Muhammad (2017), “15,000 Manuskrip Lama Melayu Masih Bertebaran di Luar Negara,” laman sesawang Malaysia Kini, dikemaskini pada 10 Oktober 2017, <https://www.malaysiakini.com/news/397898>.

¹⁵ Fatimah Mohd Yassin (1976), *Hikayat Raja Handak*, Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 58.

Sistem tulisan Jawi dalam manuskrip ini akan dianalisis berasaskan 12 perkara yang mampu menggambarkan keseluruhan sistem tulisan Jawi. Perkara tersebut ialah (1) suku kata tertutup dan suku kata akhir terbuka, (2) diftong, (3) penggunaan bahasa Arab, (4) imbuhan awalan, (5) apitan, (6) hurup fa, (7) huruf (‘) Hamzah, (8) huruf Gha, (9) huruf Tha (10) huruf Ta’ marbutah, (11) kata berulang dan (12) kata berganda berimbuhan. Walaupun masih terdapat beberapa aspek lagi yang boleh dinilai seperti aspek penulisan akronim, ejaan bahasa asing, dan kekecualian, namun semua itu tidak terdapat dalam manuskrip yang dikaji. Oleh itu memadai dianalisis dibuat pada 12 perkara yang dinyatakan di atas.

Latar Belakang Manuskrip

Manuskrip ini bertajuk Hikayat Raja Handak, bertarikh 1248 Hijrah bersamaan 1832 Masihi dan sehingga kini tidak lagi disalin oleh mana-mana pihak. Kertas yang digunakan bersaiz 21 x 15 cm. Manuskrip ini merupakan sebuah manuskrip lengkap yang mempunyai 68 halaman muka surat dan purata 19 baris setiap halaman dengan 11 perkataan pada setiap baris. Tulisan di halaman akhir ditulis dalam ruang bercorak V seperti kebanyakan manuskrip pada masa itu. Manuskrip ditulis dalam bahasa Melayu dengan tulisan tangan menggunakan aksara dan sistem tulisan Jawi.

Halaman pertama dan akhir dihias dengan lukisan bunga dan dedaunan. Selain itu, manuskrip ini ditulis dengan dakwat hitam dan merah. Tulisan jelas dan mudah dibaca. Isi kandungan manuskrip ini tentang hikayat Melayu klasik dengan pengaruh Islam yang ketara seperti plot cerita, nama tempat, watak-watak dalam cerita. Ia berkisar tentang kisah peperangan antara Raja Handak (Khandak dalam bahasa Arab) dengan tentera Islam yang diketuai oleh Saidana Ali.

Hikayat Raja Handak dapat dikatakan sebagai sebuah hasil sastera Melayu pengaruh Islam berdasarkan kepada beberapa faktor. Pertama, tokoh penting dalam Hikayat Raja Handak ini adalah seorang tokoh yang memang terkenal dalam sejarah Islam sama ada tentang kepahlawanan dan kegiatannya dalam politik Islam, iaitu saidina Ali. Selain itu, dengan melihat latar belakang cerita ini yang ada kaitannya dengan peperangan-peperangan yang berlaku pada zaman Nabi Muhammad s.a.w di mana saidina Ali sendiri mengambil bahagian, seperti perang Badar, perang Khandak dan perang Hunain. Ketiga, berdasarkan sumber Hikayat Raja Handak ini adalah karya tempatan, seperti juga Hikayat Raja Khaibar dan Hikayat Raja Lahad yang mana Winstedt mengelompokkannya sebagai ‘Malay Muslim Fiction’.¹⁶ Manuskrip Hikayat Raja Handak ini merupakan manuskrip lama yang tersimpan di beberapa pusat manuskrip Melayu. Kisah hikayat ini sangat popular dan telah dibukukan serta disebarluaskan ke merata tempat.

Ulasan Dapatan Kajian

1. Penggunaan Suku Kata Akhir Tertutup dan Suku Kata Akhir Terbuka

Suku kata tertutup adalah suku kata yang diakhiri dengan konsonan. Antara contoh dari manuskrip ialah, تيته (titih), توجه (tujuh),¹⁷ ستله (setelah), سكارغ (sekarang) dan بوكن (bukan).¹⁸ Suku kata terbuka ialah suku kata yang diakhiri dengan huruf vokal. Antara contoh dari manuskrip ialah, تتكال (tatakala), بگندا (baginda),¹⁹ بنا (bena), راج (raja),²⁰ تنترا (tentera).²¹

Pada ejaan perkataan yang diakhiri dengan huruf konsonan, penggunaan huruf *waw* atau *alif* yang melambangkan huruf *a* atau *u* sebelumnya langsung tidak digunakan. Manakala pada perkataan yang diakhiri dengan suku kata vokal, penulis tidak konsisten dengan kaedah yang sama, terdapat beberapa contoh diakhiri dengan alif, dan ada juga yang hanya menggunakan alif pada bunyi vokal suku kata pertama sahaja.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ *Manuskrip Hikayat Raja Handak*, h.4.

¹⁸ Ibid, h.7.

¹⁹ Ibid, h.2.

²⁰ Ibid, h.3.

²¹ Ibid, h.4.

2. Diftong

Gabungan dua bunyi vokal yang disebut dalam satu suku kata. Diftong boleh wujud sama ada di awal, di tengah atau di akhir perkataan. Antara contoh dari manuskrip ialah, جكلو (jikalau),²² اڠكو (engkau),²³ هي (hai),²⁴ فلو (pulau),²⁵ dan سوغي (sungai).²⁶ Penggunaan diftong dalam manuskrip ini lebih konsisten di mana, penulis hanya menggunakan huruf wau untuk melambangkan bunyi au dan menggunakan ya untuk bunyi ai.

3. Penggunaan Perkataan Arab

Terdapat banyak perkataan Arab digunakan dalam manuskrip ini kerana ianya menceritakan peperangan yang berlaku di zaman Baginda s.a.w. antara contohnya ialah, فناء (fana), بقاء (baqa),²⁷ حساب (hisab),²⁸ سبب (sebab),²⁹ dan دعا (doa).³⁰ Penulis manuskrip mengekalkan ejaan asal perkataan Arab tanpa kekecualian. Ini dilakukan oleh semua penulis apabila mereka menulis perkataan Arab walaupun perkataan itu telah menjadi perkataan dalam bahasa Melayu.

4. Imbuhan awalan

Imbuhan awalan ialah imbuhan yang berada di hadapan kata akar, contohnya pe(N), me(N), ter, ber dan sebagainya. Antara contoh dari manuskrip ialah, ممغكل (memengkal), مپوره (menyuruh), تردغر (terdengar),³¹ برفرغ (berperang),³² dan برهمفون (berhimpun).³³ Penulis menggunakan kaedah setiap imbuhan “mem” atau “men” hanya diwakili dengan huruf mim sahaja. Manakala bagi “ber” dan “ter” ianya diwakili dengan huruf ba + ra atau ta + ra.

5. Imbuhan Apitan

Imbuhan apitan ialah imbuhan yang tersisip di tengah perkataan. Antara contoh dari manuskrip ialah, فكرجاءن (pekerjaan),³⁴ كلاكوان (kelakuan),³⁵ كليھاتن (kelihatan),³⁶ كبايقن (kebaikan),³⁷ فرسدھكن (persudahkan).³⁸ Dalam contoh di atas, terdapat tiga imbuhan apitan iaitu (1) pe + an, (2) ke + an dan (3) per + an. Bagi akhiran yang diakhiri oleh huruf vokal, haruf alif digunakan untuk mendahului imbuhan apitan akhir “an”. Jika perkataan tersebut diakhiri dengan huruf konsonan, hanya huruf nun sahaja tanpa alif digunakan. Adapaun pada imbuhan awalan hanya huruf pa dan kah digunakan untuk mewakili “pe” atau “ke”. Bagi “per”, kaedahnya sama dengan kaedah imbuhan awalan di atas, iaitu diwakili dengan pa + ra.

6. Penggunaan Huruf ف

Penggunaan huruf ف dalam manuskrip ini sebagai ganti kepada huruf ف. Kedudukan huruf ini boleh jadi berada pada kedudukan awal, tengah atau akhir perkataan. Antara contoh dari manuskrip ialah, ادافون (adapun),³⁹ فاتھ (patah),³⁹ فرغ (perang),⁴⁰ هارفن (harapan),⁴¹ فھلاوان (pahlawan).⁴²

²² Ibid, h.3.

²³ Ibid, h.5.

²⁴ Ibid, h.10.

²⁵ Ibid, h.12.

²⁶ Ibid, h.13.

²⁷ Ibid, h.2.

²⁸ Ibid, h.4.

²⁹ Ibid, h.17.

³⁰ Ibid, h.18.

³¹ Ibid, h.3.

³² Ibid, h.2.

³³ Ibid, h.4.

³⁴ Ibid, h.59.

³⁵ Ibid, h.58.

³⁶ Ibid, h.57.

³⁷ Ibid, h.55.

³⁸ Ibid, h.56.

³⁹ Ibid, h.51.

⁴⁰ Ibid, h.53.

⁴¹ Ibid, h.52.

⁴² Ibid, h.49.

7. Penggunaan Huruf Hamzah

Kedudukan huruf hamzah mungkin berada pada kedudukan awal, tengah atau akhir perkataan. Antara contoh dari manuskrip ialah, جبرائيل (jibrail), برسوكا^٢عن (bersuka-sukaan),⁴³ باءيك (baik),⁴⁴ ياءيت (iaitu),⁴⁴ سورغ (seorang).⁴⁵

8. Penggunaan Huruf Gha

Kedudukan huruf **Gha** boleh jadi berada pada kedudukan awal, tengah atau akhir perkataan. Antara contoh dari manuskrip ialah, لاگ (lagi),⁴⁶ فرگ (pergi),⁴⁶ گنف (genap),⁴⁶ سگل (segala),⁴⁷ بگندا (baginda).⁴⁸

9. Penggunaan Huruf ث

Kedudukan huruf **Nya** boleh jadi berada di awal, tengah atau akhir perkataan. Antara contoh dari manuskrip ialah, بايق (banyak),⁴⁹ روفان (rupanya),⁵⁰ امفوپا (empunya),⁵¹ پوا (nyawa),⁵² ميوره (menyuruh).⁵³

10. Penggunaan huruf ة

Huruf **ta' marbutoh** kedudukannya berada pada akhir perkataan. Antara contoh dari manuskrip ialah, دافة (dapat),⁵⁴ امفة (empat),⁵⁵ امة (amat),⁵⁶ جابوة (jabuh),⁵⁷ dan بوكة (bukit).⁵⁸

11. Kata Ulang Penuh/Kata Ganda Penuh

Kata ulang penuh atau kata ulang murni, iaitu semua kata ulang yang dihasilkan oleh pengulangan unsur-unsurnya secara penuh. Ia terbahagi kepada dua kategori jamak dan semu. Kata ulang penuh jamak menunjukkan bilangan benda itu melebihi daripada satu. Manakala kata ulang penuh semu ialah perkataan yang memang wujud secara semulajadinya perlu berulang, contohnya seperti anai-anai. Antara contoh dari manuskrip ialah, منتری (menterimenter),⁵⁹ راج^٢ (raja-raja),⁶⁰ فنجي^٢ (panji-panji),⁶¹ بايق^٢ (banyak-banyak),⁶² dan كافر^٢ (kafir-kafir).⁶³

12. Kata Ulang Berimbuhan

Kata ulang berimbuhan atau kata ulang bersambungan, iaitu semua kata ulang yang salah satu unsurnya berimbuhan iaitu samada berimbuhan awalan, sisipan atau akhiran. Antara contoh dari manuskrip ialah, بركات^٢ (berkata-kata),⁶⁴ برتورت^٢ (berturut-turut),⁶⁵ منيوپ (meniup-niup),⁶⁵ مغالو^٢ (mengalu-alu),⁶⁶ برتمبون^٢ (bertambun-tambun).⁶⁷

⁴³ Ibid, h.36.

⁴⁴ Ibid, h.37.

⁴⁵ Ibid, h.33.

⁴⁶ Ibid, h.46.

⁴⁷ Ibid, h.41.

⁴⁸ Ibid, h.44.

⁴⁹ Ibid, h.39.

⁵⁰ Ibid, h.37.

⁵¹ Ibid, h.36.

⁵² Ibid, h.32.

⁵³ Ibid, h.3.

⁵⁴ Ibid, h.36.

⁵⁵ Ibid, h.40.

⁵⁶ Ibid, h.42.

⁵⁷ Ibid, h.51.

⁵⁸ Ibid, h.53.

⁵⁹ Ibid, h.3.

⁶⁰ Ibid, h.4.

⁶¹ Ibid, h.9.

⁶² Ibid, h.12.

⁶³ Ibid, h.8.

⁶⁴ Ibid, h.6.

⁶⁵ Ibid, h.7.

⁶⁶ Ibid, h.11.

⁶⁷ Ibid, h.13.

Perbincangan

Berdasarkan ulasan dapatan kajian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa sistem tulisan Jawi dalam manuskrip Hikayat Raja Handak banyak menerima pengaruh sistem tulisan Arab berbanding sistem tulisan Jawi yang tersendiri. Antara perkara yang dapat dilihat menerima pengaruh sistem tulisan Arab ialah pada (1) pengejalan ejaan perkataan Arab seperti pada perkara 3 di atas, (2) sistem ejaan bagi penggunaan vokal akhir perkataan, di mana penulis memadai dengan penggunaan huruf vokal pada suku kata awal atau pertengahan sahaja tanpa mengunakannya pada suku kata akhir, lihat perkara 1 di atas, (3) cara menulis huruf hamzah seperti perkara 7, (4) cara menulis huruf ta marbutah seperti perkara 10 dan (5) Penggunaan huruf 'Nya' yang kerap pada hujung perkataan sebagai kata ganti nama bagi sesuatu, ianya dipanggil dalam bahasa Arab ialah dhomir (kata ganti tersembunyi).

Penggunaan tanpa vokal sukukata kedua terbuka ('a'+a') jelas dilihat pada perkataan 'raja' yang mana vokal kedua dibuang bagi menyempurnakan kaedah penulisan dan ejaan jawi, sama seperti perkataan nama dan tanya. Apabila diletakkan imbuhan pun, ejaannya masih lagi sama. Selain itu, penggunaan perkataan tradisi yang mengekalkan ejaan dari dulu hingga kini sangat banyak digunakan dalam teks manuskrip.

Dari aspek bahasa pula, penggunaan bahasa Melayu lama telah digunakan dalam penulisan teks ini, ianya adalah bahasa yang digunakan pada masa itu. Banyak perbendaharaan kata, seperti nama tempat, nama orang, nama benda, gaya bahasa dan kata kerja serta kata nama dipengaruhi oleh bahasa dan budaya Arab. Contohnya, perkataan 'syahdan', 'laksa', 'tiada khali', 'cetera', 'ceritera', 'Raja Ali', 'Bukit Khaibar' dan banyak lagi. Semua perkataan ini adalah sukar untuk difahami melainkan dengan merujuk kamus-kamus bahasa yang berkaitan.

Penutup

Kajian ini merupakan kajian terhadap tulisan Jawi dalam manuskrip lama, iaitu manuskrip Hikayat Raja Handak. Dari penelitian terhadap tulisan Jawi, ketara sekali bahawa tulisan jawi merupakan satu khazanah yang amat kaya. Walaupun tulisan ini mempunyai sejarah yang begitu lama dan mengalami banyak perubahan, tulisan ini mempunyai sesuatu yang melatarinya sehingga membolehkan hidup dalam rentetan yang ketara sekali kesinambungannya. Sistem ini menjadi media utama masyarakat Melayu sehingga membolehkan generasi kini menatapi bahan-bahan lama yang amat bernilai seperti kitab, catatan, buku sejarah Melayu dan yang menjadi tumpuan kajian ini, manuskrip. Manuskrip Hikayat Raja Handak ini merupakan antara tiga buah manuskrip yang dianggap sebagi roman Melayu Islam, selain manuskrip Raja Handak, ialah Raha Khaibar dan Raja Lahad. Kaedah kajian yang digunakan untuk mencapai objektif kajian ini ialah dengan menganalisis dua belas item tulisan Jawi yang terdapat di dalam manuskrip ini. Diharapkan kajian awal ini dapat menambahkan lagi jumlah penyelidikan dalam bidang sastera Melayu tradisional, di samping menarik minat lebih ramai para sarjana lain untuk turut sama menceburkan diri dalam bidang ini dan berusaha menaikkan martabat dan memelihara tulisan Jawi yang mana ia merupakan khazanah dan budaya masyarakat Melayu yang patut dibanggakan.

Penghargaan

Ucapan terima kasih kepada Cik Zulaifa kerana banyak membantu saya dalam mengumpul data-data yang diperlukan untuk menyiapkan tulisan ini, begitu juga kepada pegawai Perpustakaan Negara yang memberi izin kepada kami untuk menyalin, membaca dan membuat catatan dari manuskrip Hikayat Raja Handak yang berada dalam koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka serta Koleksi Perpustakaan UM.

Rujukan

Ahmad Misbah bin Muhamad Hilmi (2014), "Kajian Manuskrip Hujjatul Balighah: Satu Tinjauan Awal," International Conference on Postgraduate Research 2014 (ICPR 2014), Kuala Lumpur, 1-2 Disember 2014.

Ahmad Mohd Salleh (2001), "Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam," *KPLI Pengajian Islam & j-QAF*, Shah Alam: Oxford Fajar.

Amat Juhari Moain (1996), *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Anne Muhammad (2017), "15,000 Manuskrip Lama Melayu Masih Bertebaran di Luar Negara," laman sesawang Malaysia Kini, dikemaskini pada 10 Oktober 2017, <https://www.malaysiakini.com/news/397898>.

Fatimah Mohd Yassin (1976), *Hikayat Raja Handak*, Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Haji Hamdan bin Haji Abdul Rahman (1984), "Sistem Baru Ejaan Jawi Bahasa Melayu," Prosiding Konvensyen Tulisan Jawi, Kuala Terengganu, 9-10 April 1984.

Ismail Hussein (1974), *The Study of Traditional Malay Literature with A Selected Bibliography*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kang Kyoung Seock (1993), *Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Fauzi Hj. Masruri (1988), *Hikayat Raja Handak*, Kuala Lumpur: Teks Publishing.

Niswa Noralina binti Abdullah & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (2013), "Pangkaedahan Tulisan Jawi Lama: Analisis Terhadap Manuskrip Nazam Nabi Muhammad," *Journal al-Muqaddimah*, Bil.1.

Perpustakaan Negara Malaysia (2006), *Melestarikan Manuskrip Melayu Warisan Agung Bangsa: kumpulan kertas kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan.

Perpustakaan Negara Malaysia (1997), *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Shallbear, W.G. (1978), *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1990), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Teuku Iskandar (1995), *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*, Brunei: Universiti Brunei Darussalam.

Winstedt, R. O. (1940), "A History of Malay Literature. With a Chapter on Modern Developments (by) Zaba," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Bil. 17, no. 13.